

03/02/1998

Projek mega, MSC pemangkin ubah masa depan

M Azlan Jaafar; Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR: Projek mega dan berteknologi tinggi, Koridor Raya Multimedia (MSC), akan menjadi pemangkin dalam mengubah struktur masa depan masyarakat rantau ini bagi menghadapi era baru. Ia juga akan menjadi landasan bagi menyisih daripada tradisi penuh birokrasi yang dibawa daripada era yang berteras pengilangan dan pembuatan ke era baru bagi rantau ini. Malaysia berpeluang menjadi pelopor perubahan masyarakat itu.

Malah, seorang pensyarah Sistem Maklumat dari Sekolah Ekonomi London, Prof Tan O Angell, menganggap MSC adalah peristiwa terpenting dalam keseluruhan sejarah rantau sebelah sini.

Perubahan masyarakat yang dinyatakan oleh Angell selaras dengan pandangan ramai cendekiawan, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menekankan kepentingan era informasi.

Kebanyakan ahli akademik melihat ketibaan revolusi maklumat akan mempunyai impak lebih hebat daripada revolusi industri yang bermula pada 1880-an.

Revolusi industri menyaksikan perubahan daripada penggunaan tenaga manusia sebagai nadi pembangunan kepada penggunaan jentera sebagai medium meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

Bagaimanapun, gerakan revolusi perindustrian kian menemui jalan akhir kerana kelemahan serta kemunculan kerenah birokrasi dan ketidaksesuaian dari segi ekonomi.

Revolusi maklumat dilihat sebagai pengganti segala kelemahan revolusi terdahulu dan akan membawa manusia ke era globalisasi dan pewujudan masyarakat yang berteraskan maklumat dan berpengetahuan.

Masyarakat yang kaya dengan pengetahuan dan boleh menambah nilai akan membantu meningkatkan produktiviti negara ke peringkat lebih tinggi dan menjamin pertumbuhan ekonomi negara. Teknologi maklumat berupaya meningkatkan potensi manusia akan dapat membantu kita membentuk satu masyarakat madani yang benar-benar mulia.

Masyarakat juga akan menjadi lebih matang, liberal, demokratik, toleran, prihatin dan adil kedudukan ekonominya - satu masyarakat yang diimpikan oleh Wawasan 2020.

Melalui penekanan ke atas pembangunan manusia, Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITA) membolehkan rakyat mengguna dan menguasai teknologi maklumat serta menggalakkan mereka mencipta penggunaan teknologi komputer yang inovatif bagi meningkatkan kandungan tempatan.

Program pembangunan struktur maklumat akan memberi penekanan kepada pembekalan kemudahan asas IT yang membolehkan setiap rakyat mendapatkan maklumat.

Akses kepada maklumat berlebihan dan infrastruktur moden sahaja tidak mencukupi dalam era maklumat.

Faktor kejayaan dalam membina struktur masyarakat baru banyak bergantung kepada keupayaan rakyat negara ini membentuk kemahiran asas atau sub-skill dalam menggunakan informasi tersedia sebaik mungkin.

Kemahiran ini memerlukan rakyat negara ini berfikiran lebih kritis, berupaya memilih informasi diperolehi, melakukan analisis dan membuat kesimpulan dan keputusan lebih baik.

Projek MSC mengandungi elemen untuk merealisasikan cita-cita serantau dan global berteraskan NITA.

Projek ini membabitkan program membawa masuk syarikat teknologi maklumat dan multimedia yang terkemuka dan terbaik di dunia ke Malaysia. Syarikat

ini boleh membantu dalam mencipta dan membangunkan aplikasi sesuai dengan budaya Malaysia dan budaya Asia keseluruhannya.

Bagaimanapun, syarikat asing perlu diberi daya tarikan untuk melabur di Malaysia dan untuk membantu melaksanakan cita-cita negara. Oleh yang demikian negara menyediakan tanah, infrastruktur fizikal, insentif kewangan dan infrastruktur perisian dalam bentuk undang-undang Siber termasuk Undang-Undang Jaminan atau 'The Bill Guarantees'.

Malaysia melabur dengan banyak untuk menarik syarikat asing dan berharap dapat mempelajari teknologi yang diaplikasikan mereka dalam penyelidikan dan pembangunan kandungan multimedia.

(END)